



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS INTERTEKSTUAL DALAM KARYA MA.NAVEEN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS INTERTEKSTUALITI DALAM KARYA MA. NAVEEN

ILAMPURANAN A/L KIRAMANY



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESISINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Bila tanda (✓)
 Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...17... (hari bulan) ...Mei..... (bulan) 20...22...

i. **Perakuan pelajar :**

Saya, Hampurahan A/L Kiramany, P20171000527, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Analisis Intertekstual dalam Karya Ma.Naveen

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. **Perakuan Penyelia:**

Saya, Dr. Kartheges A/L Ponniah (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Analisis Intertekstual dalam Karya Ma.Naveen

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

31/5/2022

Tarikh

DR. KARTHEGES A/L PONNIAH
 Pengarah Kanan
 Jabatan Bahasa Moden
 Bahasa dan Komunikasi
 Universiti Pendidikan Sultan Idris
 35900 Tanjung Malim, Perak



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Analisis Intertekstual dalam Karya Ma.Naveen

No. Matrik / Matric's No.: P20171000527

Saya / I: Ilampuranan A/L Kiramany

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 31/5/2022

PM DR KARTHEGES A/L PONNIAH

Pensyarah Kanan

*(Tandatangan Penjawat Tinggi / Signature of Supervisor)
& (Nombor Rekod / Reference No. / Official Stamp)
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak*

Catatan: Jika Tesis/Disertasi Ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkewajibhan/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekalii sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

‘Alif Huruf Utama Bahasa; Tuhan Esa Utama Buvana’

Bersyukur ke atas alam semesta yang maha berkuasa kerana limpah kurnianya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuh pelbagai dugaan dan rintangan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Kartheges Ponniah, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan insan yang baik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah dan staf teknikal di Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan. Ucapan terima kasih kepada ahli keluarga tersayang atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa kalian, sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis kepengarangan cerpen dan puisi yang dihasilkan oleh Ma.Naveen. Ma.Naveen, seorang penulis yang cenderung melakukan penyelidikan dan merujuk untuk menghasilkan karya baharu. Maka, analisis intertekstualiti dalam karya beliau menjadi fokus utama kajian ini. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti pemaknaan baharu yang terhasil dan menilai kesan terhadap karya baharu akibat proses intertekstualiti. Pendekatan kualitatif berbentuk analisis deskriptif dan analisis kritikan sastera digunakan sebagai kaedah kajian. Selain itu, kaedah temubual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan maklumat tepat berkaitan tujuan kajian. Teori intertekstualiti dijadikan asas kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa Ma.Naveen menulis dengan merujuk hipogram. Proses transformasi, ekspansi dan modifikasi merupakan proses intertekstualiti yang dikenal pasti dalam penulisan beliau. Dalam proses penulisan ini, Ma.Naveen membuat penukaran, pengembangan, penyerapan, persamaan dan pemberian dalam sumber hipogram untuk menghasilkan karya baharu. Hal ini dapat mengubah teks asal kepada teks baharu yang lebih mantab dari aspek kandungan mahupun plot penceritaan. Proses ini dapat melanjutkan persoalan dan mendalami citra watak serta meninggalkan impak yang besar kepada khalayak pembaca melalui pemaknaan baharu yang dihasilkan. Selain itu, hasil intertekstualiti cerpen baharu yang dihasilkan oleh Ma.Naveen lebih menonjol dari aspek struktur, watak, plot atau konflik watak-wataknya lebih rencam. Manakala puisi baharu yang dihasilkan melalui proses intertekstualiti lebih mantab dan menyeluruh dari segi tema, persoalan dan watak. Kesimpulannya, melalui pengaplikasian prinsip-prinsip daripada teori intertekstualiti membuktikan bahawa Ma.Naveen berjaya menyatakan pelbagai kaedah secara kreatif dan inovatif bagi menjadikan karyanya sebagai agen maklumat dan sumber makna baharu. Kajian ini dapat dijadikan panduan kepada penulis penulis lain untuk meningkatkan kreativiti seseorang pengarang dalam menghasilkan karya baharu menggunakan proses intertekstualiti. Selain itu, pengkritik sastera dapat menilai sesebuah karya dengan lebih menyeluruh menggunakan teori intertekstualiti.





INTERTEXTUALITY ANALYSIS IN MA.NAVEEN'S LITERARY WORKS

ABSTRACT

This study aims to analyse the authorship of short stories and poems produced by Ma.Naveen. Ma.Naveen is a writer who tends to do research and referred to producing new work. Thus, the analysis of intertextuality in his work became the main focus of this study. This study also aims to identify the resulting new meanings and evaluate the impact on new works as a result of the intertextuality process. Qualitative approaches in the form of descriptive analysis and analysis of literary criticism were used as research methods. In addition, a semi-structured interview method was used to obtain accurate information related to the purpose of the study. Intertextuality theory is the basis of the study. The results showed that Ma.Naveen wrote concerning the hipogram. The process of transformation, expansion and modification is a process of intertextuality identified in his writing. In the process of this writing, Ma.Naveen makes conversions, expansions, absorption, similarities and improvements in hipogram sources to produce new works. This can change the original text to a new text that is more robust in terms of content as well as storytelling plot. This process can extend the question and deepen the image of the character as well as leave a huge impact on the audience of readers through the new meaning generated. In addition, the result of the intertextuality of the new short story produced by Ma.Naveen is more prominent in terms of the structure, characters, plot or conflict of the characters are more complex. While new poems produced through the process of intertextuality are more robust and comprehensive in terms of themes, questions and characters. In conclusion, the application of principles from the theory of intertextuality proves that Ma.Naveen successfully integrates various methods creatively and innovatively to make his work an agent of information and a source of new meaning. This study can be used as a guide to other writers to increase the creativity of an author in producing new works using the process of intertextuality. In addition, literary critics can evaluate a work more comprehensively using the theory of intertextuality.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
TRANSLITERASI TAMIL	xiv



1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Objektif Kajian	12
1.4 Soalan Kajian	12
1.5 Kerangka Konseptual Kajian	13
1.6 Kerangka Teoritikal Kajian	14
1.7 Kepentingan Kajian	15
1.8 Batasan Kajian	17
1.9 Definisi Operasional	18
1.10 Kesimpulan	21





BAB 2SOROTAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	22
2.1	Pengenalan Kepada Kritikan Intertekstualiti Saster	23
2.2	Teori Intertekstual	24
2.2.1	Teori Dialogikal Mikhail Bakhtin	24
2.2.2	Teori Intertekstual Julia Kristeva	29
2.3	Kriteria Penyelidikan Teori Intertekstual	33
2.4	Pengembangan Teori Intertekstual	35
2.5	Prinsip-prinsip Teori Intertekstual	40
2.5.1	Transformasi	41
2.5.2	Modifikasi	42
2.5.3	Ekspansi	43
2.5.4	Demetifikasi	43
2.5.5	Hapologi	44
2.5.6	Ekserp	45
2.5.7	Paralel	46
2.5.8	Konversi	47
2.5.9	Ekstensi	48
2.5.10	Defamiliarisasi	48
2.6	Prinsip Intertekstual Yang Diaplikasikan Dalam Kajian	49
2.7	Kajian Lepas Berkaitan Intertekstualiti	50
2.8	Pengarang dan Kepengarangan	64
2.8.1	Kepengarangan Naveen	64
2.8.2	Sumbangan Dalam Bidang Kesusasteraan Tamil	78





2.8.2.1 Penerbitan Surat Berita Sastera 'Kathal' dan 'Vallinam'	78
2.8.2.2 Syarikat Penerbitan Vallinam	80
2.8.2.3 Majalah Ilmiah Sastera Parai	82
2.8.2.4 Dokumentari Sasterawan Tamil Malaysia	82
2.8.2.5 Majlis Seni dan Sastera Kalai Ilakkiya Vila	83
2.8.2.6 Kelas Bimbingan dan Diskusi Sastera	84
2.8.2.7 Pertandingan Menulis Cerpen dan Novel	85
2.9 Intertekstualiti dan Pengarang	87
2.10 Kesimpulan	92

BAB 3METODOLOGI

3.0 Pendahuluan	93
3.1 Reka Bentuk Kajian	94
3.2 Kaedah Kajian	95
3.2.1 Kaedah Analisis Teks	96
3.2.2 Kaedah Kajian Perpustakaan	97
3.2.3 Kaedah Temubual	98
3.3 Sampel Kajian	100
3.4 Instrumen Kajian	105
3.4.1 Borang Pengumpulan Data	105
3.4.2 Soalan Temu Bual	106
3.5 Penganalisisan Data	106
3.6 Kebolehpercayaan dan Kesahan	108
3.7 Kesimpulan	110





BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	111
4.1	Analisis intertekstualiti dalam cerpen Ma.Naveen	112
4.1.1	Analisis intertekstualiti dalam cerpen Mandai Oodi	113
4.1.1.1	Pengenalan Cerpen ‘man:tai O:t:i’	113
4.1.1.2	Transformasi dalam tema	115
4.1.1.3	Transformasi dalam Watak Budak Lelaki	121
4.1.1.4	Modifikasi Dalam Watak Orang Cina	128
4.1.1.5	Modifikasi Latar Tempat	136
4.1.1.6	Transformasi dalam plot	144
4.1.1.7	Rumusan	156
4.1.2	Analisis intertekstualiti dalam cerpen ‘pe:cci’	157
4.1.2.1	Pengenalan Cerpen ‘pe:cci’	157
4.1.2.2	Intertekstualiti dalam unsur alam sekitar	159
4.1.2.3	Transformasi dalam adat dan kepercayaan penyembahan Tuhan keluarga (Kulatheivam/Kaaltheivam) masyarakat Tamil	128
4.1.2.4	Ekspansi Dalam Persoalan Berkaitan Dengan Seksualiti	195
4.2	Analisis Intertekstualiti dalam Puisi Ma. Naveen	204
4.2.1	Ekspansi dalam watak Maya	207
4.2.2	Ekspansi dalam Konsep Ketuhanan	220
4.2.3	Ekspansi dalam konsep kematian	229
4.2.4	Ekspansi dalam isu puisi Moden	238
4.2.5	Ekspansi dalam tema Pelacuran	248
4.2.6	Transformasi dalam watak mahkluk seram	256





4.2.7 Rumusan

266

BAB 5KESIMPULAN

5.0	Pendahuluan	267
5.1	Intertekstualiti dalam karya Ma.Naveen	268
5.1.1	Intertekstualiti dalam cerpen Mandai Oodi	269
5.1.2	Intertekstualiti dalam cerpen Pecci	273
5.1.3	Intertekstualiti dalam novel Ma. Naveen	276
5.2	Perubahan dalam makna yang terhasil akibat proses Intertekstualiti	282
5.2.1	Permaknaan yang terhasil dalam cerpen ‘Mandai Oodi’	282
5.2.2	Permaknaan yang terhasil dalam cerpen ‘Pecci’	285
5.2.3	Permaknaan yang terhasil dalam puisi	287
5.3	Kesan intertekstual terhadap karya baharu	289
5.4	Implikasi kajian	293
5.5	Cadangan kajian lanjutan	298
5.6	Rumusan	299
	RUJUKAN	300





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Cerpen yang dipilih untuk kajian	101
3.2 Puisi yang dipilih untuk kajian	103
4.1 Hipogram bagi Watak budak lelaki dalam cerpen ‘Mandai Oodi’	126
4.2 Hipogram bagi watak orang Cina dalam cerpen ‘Mandai Oodi’	129
4.3 Hipogram plot permulaan bagi cerpen ‘mandai oodi’	147
4.4 Hipogram plot pengakhiran bagi cerpen ‘mandai oodi’	153
4.5 Senarai cerpen yang mempunyai watak haiwan	170
4.6 Senarai puisi hipogram yang berlatarkan watak kanak-kanak	207
4.7 Jadual yang menunjukkan watak seram dalam puisi Ma.Naveen	257
5.1 Rumusan rujukan hipogram bagi cerpen ‘Mandai Oodi’	270
5.2 Senarai hipogram bagi cerpen Pecci	274
5.3 Senarai hipogram bagi puisi Mayavin Meenkal	278
5.4 Senarai hipogram bagi Watak Toyol	279





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	13
1.2 Kerangka Teoritikal Kajian	14
2.1 Proses Dialog Mikhail Bakthin	29
2.2 Hubungan Antara Teks Awal dan Teks Baharu	33
2.3 Prinsip Transformasi Dalam Teori Intertekstualiti	41
2.4 Prinsip Modifikasi Dalam Teori Intertekstualiti	42
2.5 Prinsip Ekspansi Dalam Teori Intertekstualiti	43
2.6 Prinsip Demetifikasi Dalam Teori Intertekstualiti	44
2.7 Prinsip Hapologi Dalam Teori Intertekstualiti	45
2.8 Prinsip Ekserp Dalam Teori Intertekstualiti	46
2.9 Prinsip Paralel Dalam Teori Intertekstualiti	46
2.10 Prinsip Konversi Dalam Teori Intertekstualiti	47
2.11 Prinsip Ekstensi Dalam Teori Intertekstualiti	48
2.12 Prinsip Defamiliarisasi Dalam Teori Intertekstualiti	49
3.1 Reka Bentuk Kajian	95
3.2 Kerangka Analisis Teks	97
3.3 Aliran Pengumpulan Data	108





TRANSLITERASI TAMIL

VOKAL

அ	a	ஆ	a:
இ	i	ஈ	i:
உ	u	ஊ	u:
எ	e	ஏ	e:
		ஐ	ai
ஓ	o	ஒ	o:
		ஔள்	au
ஃ	x		



KONSONAN

க	k	ய	y	ங்	ng
ச	c	ர்	r	ஞ்	nj
ட்	t:	ல்	l	ண்	n:
த்	th	வ்	v	ந்	nh
ப்	p	ழ்	l-	ம்	m
ற்	tr	ள்	l:	ன்	n

SANSKRIT

ஜ	j	ஹ	h	ஷ்	sh	ஸ்	s	ஸ்ரீ	sri
----------	---	----------	---	-----------	----	-----------	---	-------------	-----





BAB 1

PENGENALAN



Kritikan sastera merupakan ilmu yang bersifat saintifik kerana ia difokuskan kepada penghayatan, penganalisisan dan penilaian sesebuah karya sastera (Hashim Awang, 1985). Kritikan sastera dikatakan sebagai suatu ilmu yang saintifik kerana ia menggunakan pendekatan dan kaedah tertentu dalam membuat kritikan.

Kritikan sastera melibatkan penghayatan. Proses penghayatan meliputi proses apresiasi, pengamatan, pemahaman, tanggapan, perasaan serta pemikiran terhadap sesuatu bahan bacaan. Awang Hashim (1985) menjelaskan tentang analisis kritikan sastera. Analisis dalam konteks kritikan sastera bersifat menghurai, membincang, membedah, dan mendalami aspek penghayatan. Pengalaman-pengalaman apresiasi dijelaskan dengan mengemukakan bukti, contoh serta hujah yang konkret dan





munasabah (Awang Hashim, 1985). Kritikan sastera juga melibatkan proses penilaian. Berdasarkan penghayatan dan penganalisisan, seseorang pengkritik dapat memberikan pandangan, pendapat dan keputusan sama ada karya itu bermutu atau sebaliknya. Sesebuah penilaian dilakukan hasil daripada pengamatan, pentafsiran, penganalisisan, pertimbangan serta penghakiman yang rasional, tepat, adil dan meyakinkan (Hashim Awang, 2015).

Kritikan sastera bertujuan untuk memilih di antara baik atau buruk sesebuah karya. Jika hanya sekadar memuji atau memburuk burukkan sesuatu adalah bukan kritikan. Malah, kritikan seharusnya seimbang kerana proses ini dilakukan bagi menambah baik sesebuah karya (Kartin Bandel, 2013). Kritikan dalam sesebuah karya akan menimbulkan pelbagai persoalan sehingga mewujudkan polemik dan penilaian terhadap sesebuah karya dapat dilakukan. Hal ini menyumbang kepada perkembangan kesusteraan yang lebih terarah dan tidak mendatar.

Walaubagaimanapun, kritikan sastera bukan perkara yang mudah. Seseorang pengkritik harus mengetahui latar sejarah, budaya kehidupan bangsa, teknik penulisan, teori dan fakta berkaitan dengan komposisi sesuatu karya sastera (M Mamat, 2015). Selain itu, pengkritik juga harus memahami soal seni, nilai keindahan atau estetika.

Kritikan sastera merupakan media melahirkan permaknaan baharu di dunia. Kewujudan karya sastera itu sendiri bukan hanya untuk mengkritik mekanisme sesuatu karya sastera. Tetapi, fungsi kritikan ialah untuk mengajak khalayak ke arah mengenali secara terperinci tentang makna dan pemikirannya. Budi Dharma (1998) menyatakan bahawa kritik sastera yang baik dapat menjadi inspirasi kepada percambahan





pengkritik-pengkritik baharu yang pasti akan mengembangkan teori dan metodologi dalam disiplin ilmu ini.

Sesuatu kritikan sastera harus bersumberkan kepada karya bukannya sastera. Karya sastera lahir dari kritikan sastera dan kritikan itu sendiri berasal dari karya yang dihasilkan. Hubungan inilah yang dikatakan sebagai Intertekstualiti (Mana Sikana, 2012). Ini bermakna karya merupakan sebuah teks, tidak mungkin terlepas dari hubungan dengan teks-teks lain. Penghayatan ini akan melahirkan teori yang benar-benar bersesuaian untuk mengkaji serta mengkritik penulis dan karya-karya mereka (Nursham, 2015). Kritikan seperti ini membuka ruang kepada bidang sastera untuk menjadi lebih mantap dan pemangkin kepada perkembangan seterusnya.



1.1 Latar Belakang Kajian

Kesusasteraan merupakan seni yang menggunakan kata-kata tanpa mengambil kira persoalan sama ada kata-kata itu tertulis atau sekadar diucapkan (Ramlee Wahab, 2016). Menurut Hashim Awang (2015), sastera adalah ciptaan atau karya seni yang disampaikan melalui bahasa. Karya seni dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keunikan yang tertentu bersandar pada zaman.

Kesusasteraan merupakan ilmu yang mendidik aspek kerohanian dalam diri seseorang. Karya sastera berkeupayaan untuk memperkayakan pemikiran dan keinsanan seseorang. Ilmu kesusasteraan menjadi penawar kepada pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat dengan membangunkan intelek dan rohani. Boleh



dikatakan ilmu kesusasteraan menjadi wacana pembangunan rohani manusia. Para pemikir sosiologi juga turut bersetuju dengan pandangan ini dan menyatakan bahawa karya sastera boleh membangunkan diri seseorang dari segi intelek, rohani, emosi dan perhubungan sosial (Teeuw, 1995).

Karya sastera dikatakan bukan sahaja merupakan imaginasi penulis semata-mata, tetapi di dalamnya mengandungi fakta yang merangkumi pelbagai disiplin ilmu seperti ilmu sosial, sejarah dan ekonomi (Nursham, 2015). Penggemar karya sastera akan memanfaatkan ilmu kesusasteraan ini dengan menjadi lebih sensitif dan prihatin terhadap perkara-perkara yang berlaku di sekitar mereka. Dengan menimbulkan kekhawatiran dan rasa belas kasihan dalam hati, karya seni memungkinkan kita membebaskan diri daripada nafsu yang rendah. Karya seni mempunyai dampak tetapi lewat pemuanan estetika keadaan jiwa dan budi manusia justeru ditingkatkan, dia

menjadi budiman (Teeuw, 1995).

Bahan rujukan terawal yang menjadi bahan rujukan yang mengisahkan sejarah sesebuah masyarakat adalah karya sastera (Ilampuranan, 2015). Karya sastera seperti cerpen, novel, puisi dan sebagainya menjadi dokumen sosiobudaya yang mencerminkan realiti kehidupan masyarakat.

Karya sastera menimbulkan kesan dan penghayatan yang tinggi sekiranya pembaca dapat memahami perkara yang disampaikan oleh penulis. Pemikiran dan isu yang ingin disampaikan oleh penulis akan ditanggapi berdasarkan perantara bahasa. Penggunaan kata dan diksi yang tepat digunakan untuk memahami dan mendekatkan jurang makna. Hal ini demikian kerana bahasa dan sastera terikat erat dalam jalinan



disiplin yang dapat dipadankan. Keupayaan bahasa yang digunakan mampu untuk menggalas dan menyelongkar khazanah komunikatif sama ada yang tersurat dan tersirat (Nusham, 2015)

Karya adalah cerminan diri pengarang. Pemikiran dan isi hati seseorang penulis akan disalurkan ke dalam karya semasa proses pengkaryaan. Suatu idea muncul di dalam pemikiran penulis banyak bergantung kepada pengetahuan dan pengalaman (Siti Hajar, 2009). Semakin banyak pengetahuan seseorang penulis, maka munculah banyak idea di dalam pemikiran penulis. Pengetahuan yang diilhamkan dalam karya diperolehi melalui membaca, perbincangan, mendengar ceramah dan lain-lain.

Pemikiran dan lintasan idea yang diperoleh tidak dapat terus diselitkan ke dalam sesebuah karya. Ianya memerlukan pengolahan mengikut kesesuaian dan kehendak karya yang akan dihasilkan (Mano Sikana, 2013). Sifat karya sastera yang kreatif tentunya memerlukan wahana tertentu untuk memahami makna yang tersurat dan tersirat di dalamnya. Seseorang pengarang berkemampuan untuk memperolehi idea yang luar biasa atau genius (Mohammed Mokhtar Hassan, 2007).

Dalam kesusasteraan Tamil, pemikiran dan kebudayaan bangsa menjadi asas atau sumber idea dalam sesebuah karya (Seiva Subramaniam, 2015). Pemikiran dan kebudayaan Tamil ini begitu sinonim dengan persekitaran dan alam yang secara umumnya menjadi dasar kepada terhasilnya karya sastera. Oleh itu, pengarang sepatutnya dilihat sebagai individu yang bijak melihat, menyalin, merakam serta pada masa yang sama mentafsir pelbagai elemen sebagai proses pembentukan kepengarangan mereka. (Ilampuranan, 2015).



Karya kesusasteraan, dibina berdasarkan persoalan-persoalan yang dipetik daripada rencamnya kehidupan sesuatu masyarakat dalam alam realiti. Secara kreatif, persoalan-persoalan akan dijalin bersama susunan bahasa yang indah dan tepat bagi menggambarkan sesuatu dengan lebih jelas. Tema dan persoalan yang relevan dengan budaya masyarakat akan menjadikan sesebuah karya itu lebih mesra dan diterima oleh pembaca (Seiva Subramaniam, 2015).

Kreativiti seseorang pengarang ditentukan oleh faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran meliputi pengalaman hidup pengarang, budaya, agama, tradisi, kepercayaan, sosial, sejarah, moral, dan lain-lain. Manakala faktor dalaman lebih kepada nilai estetika, imajinasi dan ilusi pengarang itu sendiri (Akilon, 2002). Kedua-kedua faktor ini mempengaruhi kreativiti pengarang semasa proses penciptaan karya.

Keunikan yang ditonjolkan akan menjadi lebih bermakna apabila sesebuah teks yang dihasilkan itu bukan sahaja terdiri daripada teks yang mempunyai struktur yang kemas tetapi juga disebabkan wujudnya hubungan dengan teks yang lain.

Berdasarkan kreativiti dan inovasi, pengarang mengubah teks asal, sama ada dari aspek teknik pengolahan atau persoalan, disebabkan perubahan zaman, persekitaran atau faktor tertentu. Sesebuah teks lahir dari teks-teks lain dan teks ini harus dipandang atau dinilai sesuai dengan tempatnya dalam ruang textual (Mawar Shafie, 2010). Maka inilah yang dinamakan sebagai hubungan intertextualiti. Oleh kerana sebahagian besar karya Ma. Naveen sarat dengan hubungan dengan teks-teks lain, wajar karya beliau dianalisis dengan menggunakan teori intertextualiti. Justeru, untuk melakukan kerja-kerja pemindahan, pengembangan dan peluasan daripada sebuah teks kepada teks yang baharu, maka seseorang pengarang itu akan



terlebih dahulu melakukan penyelidikan tentang perkara yang hendak ditulisnya. Hal ini merupakan syarat penting untuk mengukuhkan sesebuah karya. Mustahil untuk seseorang penulis itu hanya mengetengahkan peristiwa dan manusia dalam karyanya tanpa sebarang nilai yang boleh membijaksanakan pembacanya serta mengangkat apresiasi seni khalayaknya . Untuk tujuan tersebut nilai estetika dan nilai ilmu itu tidak mungkin dipetik hanya melalui angan-angan seolah-olah pengarang dilihat seperti tidak berfikir (Nursham, 2015).

Oleh itu, sasterawan muda Ma. Naveen dilihat seperti sangat menyedari fenomena tersebut. Maka karyanya sejak mula menulis turut diperkasakan dan diyakini pembaca atau khalayaknya kerana adanya usaha-usaha penyelidikan. Su. Venugopal (2018) seperti yang dinyatakan dalam prakata antologi cerpen po:ya:k cerpen, puisi serta eseи beliau selalu memberi impak kepada keunikan persoalannya dan diperkuatkan dengan kerja-kerja penyelidikan yang berhasil diterapkan secara bersahaja di dalam karya-karyanya dan mencapai mutu yang wajar dibanggakan melalui hadiah-hadiah sastera yang diraihkan dari masa ke masa.

1.2 Pernyataan Masalah

Menurut Imaiyyam (2015) dalam prakata buku *Mandai Oodi* menyatakan bahawa Naveen merupakan penulis prolifik Tamil Malaysia yang terlibat dalam pelbagai genre sastera. Pengalaman dengan dunia penulisan kreatif telah menjadikan beliau sebagai seorang yang prihatin dengan alam dan manusia. Isu yang dibangkitkan dalam karya beliau bersifat moden dan kelainan dalam persembahan dari segi teknik serta gaya





bahasa. Selain itu, karya Naveen sentiasa menimbulkan kesan terhadap emosi pembaca sebagai bukti keseriusan beliau mengungkap sebagaimana yang wujud dalam masyarakat.

Karya sastera sebagai fenomena sosial tidak hanya dilihat dari segi penghasilannya, tetapi juga pada hakikat karya itu sendiri (Ilampuranan, 2015). Ianya dianggap sebagai reaksi sosial seorang penulis terhadap fenomena yang dihadapinya. Dalam hal ini, Naveen dikatakan sangat sinonim mengangkat isu kemasyarakatan untuk dibahaskan. Keprihatinan terhadap sosial, pengalaman hidup, kerjaya menjadi model untuk beliau berkarya. Sasterawan terkenal Tamil dari Tamil Nadu, India iaitu Jeyamohan (2016) menyatakan bahawa Naveen ialah seorang penulis muda yang berbakat. Menurutnya lagi, Naveen berjaya mengungkapkan selok belok kehidupan dalam teks sastera yang dihasilkannya.

Karya-karya Naveen cukup popular dalam kalangan pengiat sastera tanah air dan luar negara. Karya-karya yang dihasilkan oleh beliau bukan sahaja popular dalam kalangan khalayak pembaca tetapi juga kepada para pengkaji baik kepada mahasiswa di institut pengajian tinggi, para peneliti sastera mahupun para pengkritik.

Menurut Jeyamohan (2016) dalam prakata buku berjudul *Ulagin Naaku* menyatakan bahawa sastera Tamil di Malaysia jika dilihat secara umum akan menonjolkan beberapa aliran dalam sastera. Aliran pertama merupakan aliran bersifat progresif yang mengetengahkan sastera propaganda berbentuk sosialisme. Aliran kedua merupakan aliran bersifat etika dan moral yang banyak mengetengahkan karya bersifat memberi nasihat. Seterusnya aliran moden, aliran moden ini merupakan aliran yang





bersifat ekstrim yang mengetengahkan kelainan dalam bidang sastera. Aliran ini bersifat menolak aliran progresif dan aliran etika dan moral sama sekali. Naveen digolongkan dalam aliran ketiga iaitu aliran moden.

Menurutnya lagi, dalam sastera moden, penulis tidak bertindak sebagai orang yang memberi tunjuk ajar dan nasihat. Malah, penulis hanya bertindak sebagai wakil kepada watak. Penulis akan membuat penilaian kendiri dalam karya tersebut. Sifat sastera moden ini tidak boleh didapati dalam aliran pertama dan kedua. Selain itu, sastera moden juga lantang mengkritik dan sentiasa membuat penilaian terhadap fahaman etika dan moral yang sudah menjadi lumrah dalam kehidupan harian. Karya-karya sastera moden sentiasa menilai semula tradisi, adat dan fahaman yang dianuti oleh golongan-golongan tertentu.



Selain itu Jeyamohan (2016) juga menyatakan bahawa karya-karya Ma. Naveen dikategorikan sebagai karya bersifat moden yang sentiasa mengucar-kacirkan soal etika dan moral. Hal ini bukan bermaksud karya Ma. Naveen tidak mengetengahkan soal etika dan moral, malah karya Neveen hanya membuat penilaian semula terhadap soal etika dan moral. Karya Ma. Naveen juga sentiasa mempersoalkan keagungan dan kemuliaan sesuatu perkara.

Selain itu, seorang lagi penulis dari Tamil Nadu iaitu Imaiayam (2015) menyatakan bahawa Ma. Naveen ialah seorang cerpenis prolifik. Beliau menganggap karya sastera terhasil daripada kebenaran sosial. Pengalaman hidup dan dapatan dari hasil pembacaan mendorong Ma. Naveen untuk menghasilkan karya yang bersifat realisme.





Ma. Naveen seorang penulis yang suka merujuk, mengkaji dan menyelidik terlebih dahulu sebelum menghasilkan karya. Rujukan dan kajian sebelum menulis menunjukkan adanya unsur-unsur luar yang digunakan dalam karya untuk tujuan menyampaikan mesej. Untuk tujuan itu, perlu ada suatu bentuk penulisan yang bergaya dan mempunyai kelainan untuk menarik minat pembaca agar terus menikmati karya dan terpesona dengan gaya penulisan. Teknik sebegini dapat dilaksanakan dengan membuat penyelidikan terlebih dahulu sebelum menulis.

Menurut Abdul Aziz Mohd Zin (2001), karya-karya yang ditulis tanpa penyelidikan dahulu gagal mencapai matlamat. Hal ini menyebabkan karya yang dihasilkan tidak menarik dan tidak memanfaatkan khalayak. Menyedari hakikat ini Naveen menggunakan pelbagai sumber dengan menggunakan pendekatan penulisan gaya baru yang memperbaharukan fenomena dan membawa strategi penyemakan apabila menulis. Penulisan dengan merujuk sumber menunjukkan penguasaan pemikiran pengarang untuk ditafsir oleh khalayak dan Naveen dikatakan sebagai seorang penulis yang banyak memperkatakan tentang pemikiran yang berunsur dakwah.

Penulis Tamil dari India iaitu Su. Venugopal menyatakan bahawa kebanyakkan karya Ma.Naveen menyentuh sensitiviti sesuatu perkara dan bersifat mempertikaikan soal tradisi bangsa dan budaya dalam memaparkan fenomena-fenomena yang berlaku dalam masyarakat (Boyak, 2018).





Kepengarangan Ma. Naveen yang dianggap ekstrim dan bersifat pasca moden sentiasa menimbulkan kontroversi dalam kalangan pengiat sastera Tamil tanah air. Novel berjudul ‘Peichi’ yang dikeluarkan oleh beliau pada tahun 2019 telah mencetus kontroversi sehingga kerajaan Malaysia (Kementerian Dalam Negeri) telah mengutuskan larangan ke atas novel tersebut pada tahun 2020.

Perintah larangan ke atas novel ‘Peichi’ dan pendapat beberapa sasterawan yang menyifatkan Ma. Naveen sebagai penulis yang ekstrim menimbulkan pelbagai persoalan terhadap kepengarangannya. Oleh itu, pengkaji merasakan bahawa kajian bersifat ilmiah perlu dilaksanakan terhadap karya-karya Ma.Naveen untuk menilai fenomena sosial dari segi permaknaan.



yang dinyatakan di atas tentang kepengarangan Ma.Naveen, pengkaji merasakan kajian intertekstual terhadap karya-karya beliau perlu dilakukan untuk melihat bagaimana sifat intertekstualitinya dapat menggambarkan fenomena sosial kemudiannya membina makna teks tersebut.

Maka dalam kajian ini pengkaji melihat ada lompatan yang perlu diisi. Ruang tersebut berkaitan dengan kecenderungan Naveen yang sering mengangkat peristiwa dalam persekitaran hingga menghasilkan sebuah karya yang baharu. Dalam hal ini, prihatin dan tanggungjawab penulis untuk mensejahterakan masyarakat tetap ada walaupun berbeza cara dan pendekatannya. Misalnya, mencerminkan sesuatu yang berlaku dalam masyarakat merupakan sebahagian daripada tanggungjawab. Hal ini bermakna bahawa mereka bukan sahaja memaparkan sesuatu yang indah sahaja tetapi





turut bersedia membongkar sesuatu fenomena yang mungkin boleh menimbulkan kesan dan kerugian kepada masyarakat sama ada bersifat jangka panjang atau jangka pendek.

1.3 Objektif Kajian

Kajian intertekstualiti ini pada dasarnya mempunyai tiga objektif iaitu :

- 1.3.1 Mengenal pasti sumber-sumber daripada hipogram yang digunakan oleh Ma. Naveen dalam karya beliau.
- 1.3.2 Menganalisis makna yang terhasil dalam pelbagai karya berdasarkan teori intertekstualiti yang akan mengaplikasikan prinsip-prinsip seperti transformasi, modifikasi, ekspansi dan sebagainya.
- 1.3.3 Menilai kesan dari aspek struktur, watak, plot dan sebagainya ke atas karya Ma.Naveen yang mengalami intertekstualiti.

1.4 Soalan Kajian

- 1.4.1 Apakah sumber-sumber hipogram yang digunakan oleh Ma. Naveen dalam karya beliau? Adakah prinsip- prinsip intertekstualiti seperti transformasi, modifikasi, ekspansi dan sebagainya digunakan oleh pengkaji untuk mengenal pasti hipogram yang diambil oleh pengarang.
- 1.4.2 Apakah perubahan yang berlaku dalam makna yang terhasil akibat proses intertekstualiti dalam karya Ma. Naveen? Pengkaji akan menganalisis sama




ada hasil daripada proses intertekstualiti yang digunakan dalam karya akan menjadikan sesebuah karya itu lebih konkret dengan menghasilkan makna yang baharu.

- 1.4.3 Apakah kesan ke atas karya Ma. Naveen yang mengalami proses intertekstualiti? Penilaian yang dilakukan terhadap karya akan melihat sama ada karya baharu itu lebih menonjol dari aspek struktur, watak, plot atau konflik watak-wataknya lebih rencam.

1.5 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan teori intertekstual Julia Kristeva (1989) berserta pinsip-prinsip

intertekstualiti seperti transformasi, modifikasi, ekspansi dan sebagainya digunakan untuk menganalisis karya Ma. Naveen. Maka satu kerangka konseptual kajian telah dibina khusus untuk digunakan dalam kajian ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian


Kerangka konseptual kajian dalam Rajah 1.1 terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu hipogram, proses interteks dan kesan. Memandangkan pengaruh dalam sesebuah karya itu adalah suatu proses semulajadi, maka tiada unsur yang tidak dapat membendung peranan atau kesan pengaruh daripada berlaku. Kajian ini berfokus kepada prinsip-prinsip intertekstual yang terdapat dalam karya Naveen.

1.6 Kerangka Teoritikal Kajian

Kerangka teoritikal kajian ini dibina berdasarkan aplikasi Teori Intertekstualiti (Julia Kristeva, 1989) . Pada umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana karya-karya yang melalui proses intertekstualiti telah memperlihatkan

permaknaan baharu dalam teks dan mengalami perubahan yang rencam.

Bainun ptbupsi



Rajah 1.2. Kerangka Teoritikal Kajian



Berdasarkan rajah di atas, teori intertekstualiti yang diusahakan oleh Julia Kristeva menjadi sandaran utama untuk melaksanakan kajian ini. Analisis intertekstualiti terhadap karya Ma. Naveen dilakukan dengan menggunakan beberapa prinsip intertekstualiti yang menjadi kaedah kritikan. Prinsip-prinsip intertekstualiti bergerak dalam tujuan untuk menikmati karya-karya Ma. Naveen dan memberi penilaian terhadap perubahan makna dan kesan yang dialami oleh sesuatu karya.

1.7 Kepentingan Kajian

Analisis terhadap kesusastraan moden dan pascamoden semakin rencam. Kajian dalam sastera moden adalah untuk melihat dan memahami sastera dengan lebih mendalam, jitu dan dekat dengan cara objektif dan saintifik. Oleh sebab itu, pengkaji merasakan kajian terhadap karya Ma. Naveen sangat penting. Ditambah pula ia lebih menjurus kepada aspek intertekstual yang agak menonjol dan lantang dalam mengkritik kewujudan sastera dan isu-isu sosial. Dengan mengkaji hubungan intertekstualiti karya Ma. Naveen dengan teks-teks awal yang lain, diharapkan hasil penyelidikan ini dapat membantu khalayak ramai dalam meneroka kepadatan makna yang terkandung dalam karya-karya Naveen.

Penelitian ini juga diharapkan dapat memberikan maklumat penting tentang bagaimana Naveen berinteraksi dengan teks-teks awal sehingga mampu melahirkan karya-karya yang bermanfaat. Hal ini kerana mengkaji sesebuah teks dengan prinsip-prinsip intertekstualiti akan dilihat bagaimana kewujudan sesebuah teks dalam teks tersebut. Kewujudan teks-teks awal yang termaktub dalam karya Naveen akan





dianalisis bagaimana pengarang melakukan penyerapan, pemindahan, penjelmaan, pindaan, pengubahsuaian dan seterusnya.

Nilai-nilai kehidupan yang terkandung dalam karya Naveen dapat dipertengahkan, sehingga manfaat karya yang telah dihasilkan itu lebih efektif atau hanya sebagai hiburan sahaja.

Kajian ini juga bertujuan untuk memperolehi maklumat berkaitan dengan ilmu fenomena sastera yang memiliki sifat tekstualiti dan kontekstualiti serta ia dekat dengan khalayak. Sosiologi masyarakat akan dapat menaakul dan mengetahui tentang kehidupan yang cuba digambarkan oleh penulis. Disamping itu, kajian ini juga akan memberikan panduan kepada pembaca tentang nilai-nilai kemasyarakatan yang mudah dilupakan semata-mata untuk menikmati kehidupan sementara yang penuh dengan pelbagai keseronokan dan godaan di sekeliling masyarakat sama ada golongan muda ataupun tua. Dalam hal ini, pengkaji mengharapkan agar pembaca ataupun masyarakat sekarang tidak lalai dalam soal-soal akidah, soal halal dan haram yang semakin hari semakin tidak dipedulikan apabila berhadapan dengan kesusahan dan sebagainya.

Kajian yang dianalisis oleh pengkaji ini adalah bertujuan untuk mendokumentasikan kepengarangan seorang penulis muda Tamil yang berpengaruh luas dalam bidang kesusasteraan Tamil agar ianya menjadi panduan dan bahan rujukan kepada generasi akan datang supaya dijejakinya. Kajian ini memberi kesedaran serta mendorong para peminat kesusasteraan untuk mengenali pengarang. Melalui kajian ini juga dapat sekaligus memberi peluang serta menikmati, mempelajari dan meneladani pemikiran serta falsafah hidup pengarang.





Selain itu kajian tentang karya Tamil di Malaysia ini diharapkan akan menjadi rujukan kepada para siswazah dan juga pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan di samping mencipta dan menampilkan karya-karya yang bermutu tinggi setanding dengan penulis Tamil di India.

Selain itu, secara implisit kajian ini juga bermotif mencadangkan langkah-langkah yang harus diambil oleh pengiat sastera supaya menghasilkan karya sastera yang membuka ruang kepada kehadiran teks sastera pascamoden.

Kajian ini dapat memberikan sumbangan terhadap perkembangan ilmu sastera Tamil tanah air. Kajian ini juga dapat memberi faedah kepada banyak pihak dalam bidang akademik dan bidang sastera Tamil di Malaysia. Kajian berbentuk ilmiah ini akan menjadi dokumen khas dalam bidang sastera Tamil di Malaysia untuk rujukan pelbagai pihak.

1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian diperlukan supaya masalah yang dikaji tidak terkeluar dari fokus dan objektif yang ditetapkan. Hal ini akan memberi ruang lingkup yang jelas dan tepat kepada pengkaji supaya tidak terpesong dari masalah kajian. Dalam kajian ini, kaedah interpretif iaitu menghuraikan suatu fenomena dengan menggunakan data deskriptif verbal. Bogdan dan Taylor (2010) mengemukakan bahawa penelitian kualitatif verbal adalah prosedur penilitian yang menghasilkan data deskriptif berupa kata-kata tertulis atau lisan dari orang-orang dan perilaku manusia yang diamati.





Kajian ini merupakan analisis terhadap karya sastera Ma. Naveen yang mempertimbangkan aspek intertekstualiti. Kajian ini difokuskan kepada sumber hipogram, makna karya dan kesan intertekstualiti terhadap karya Ma. Naveen.

Kajian ini dibataskan kepada genre cerpen dan puisi karya Ma, Naveen. Sebanyak 2 antologi cerpen dan 3 antologi puisi moden dipilih untuk kajian ini. Antologi cerpen pertama penulis iaitu ‘mantai ot:i’ yang diterbitkan pada tahun 2015 dan antologi cerpen kedua beliau iaitu ‘po:ya :k’ yang diterbitkan pada tahun 2018 merupakan 2 antologi cerpen yang dipilih untuk kajian ini. Seterusnya, sebanyak 3 antologi puisi moden Ma. Naveen juga dipilih untuk kajian ini. ‘maha:ra:niyin chekma:t’ (2019), ‘vetri nhaaykal-ut:an vil-aiya:t:uthal’ (2014) dan ‘carvam prama:smi’ (2009) merupakan antologi puisi pilihan pengkaji.



Sebanyak 16 buah cerpen iaitu masing-masing 8 cerpen daripada setiap antologi dipilih untuk membuat kajian ini. Seterusnya, sebanyak 93 puisi moden daripada tiga antologi yang berbeza dipilih untuk kajian ini.

1.9 Definisi Operasional

Kegiatan memberi penerangan kepada perkataan penting dalam sesuatu kajian adalah untuk memudahkan pembaca untuk memahami kajian tersebut dengan lebih mendalam. Selain itu, penguraian definisi operasional juga adalah untuk memudahkan pengkaji memahami dengan jelas perkara hendak dikaji. Dalam kajian ini istilah yang perlu difahami oleh para pembaca ialah intertekstual.





1.9.1 Intertekstualiti

Perkataan ‘Intertextual’ berasal dari bahasa perancis iaitu ‘intertextualite’ yang membawa maksud :

‘Intertextuality is the shaping of a text's meaning by another text. It is the interconnection between similar or related works of literature that reflect and influence an audience's interpretation of the text. Intertextuality is the relation between texts that are inflected by means of quotations and allusion’ (Kaźmierczak, Marta, 2019)

Intertekstualiti adalah sebuah pendekataan untuk memahami sebuah teks sebagai sisipan dari teks-teks lain (Sapardi Djoko Damono, 2018). Intertekstual juga difahami sebagai proses untuk menghubungkan teks dari masa lampau dengan teks masa kini (Acmad Saeroni, 2016). Suatu teks tidak berdiri sendiri, ianya disusun dari kutipan teks lain (Alfian Rokhmansyah, 2014).

Perkataan intertekstualiti merupakan peristilahan pascamoden (Jeyarasa, 2009). Jeyarasa seorang ahli falsafah pascamoden Tamil menyatakan bahawa intetekstualiti sebagai fenomena pengaruh teks. Tiada teks yang wujud secara sendiri. Setiap teks sastera yang ditulis mempunyai pengaruh teks yang telah wujud sebelumnya.

Ini bermakna dalam menghasilkan sesebuah karya itu adalah gabungan antara unsur dalaman, iaitu sama ada aspek tema, pemikiran, latar, watak, plot dan sebagainya dengan unsur luaran iaitu apa sahaja yang memberi sumbangan kepada karya seperti pengalaman pengarang, budaya, agama dan sebagainya. Pengalaman termasuklah pengetahuan, pemerhatian dan pembacaan tentang perkara-perkara yang berkaitan.





Hubungan-hubungan inilah yang akhirnya mendorong kepada intertekstualiti dalam sesebuah karya.

Dalam kajian ini, istilah intertekstualiti merujuk kepada sumber-sumber yang dirujuk daripada teks-teks awal. Prinsip-prinsip intertekstualiti seperti transformasi, modifikasi, ekspansi dan sebagainya digunakan oleh pengkaji untuk mengenal pasti hipogram (sumber awal) yang dirujuk oleh pengarang.

1.9.2 Hipogram

Istilah hipogram merujuk kepada teks-teks yang menjadi latar belakang kepada penciptaan teks baharu. (Riffaterre, 1978) Teks hipogram adalah teks yang menjadi model, acuan atau latar belakang kepada teks yang dihasilkan kemudian. Kehadiran teks berikutnya merupakan pengaruh pengarang terhadap teks sebelumnya sebagai inspirasi untuk pengembangan ataupun penolakan.

Hipogram karya sastera meliputi (1) ekspansi, iaitu perluasan atau pengembangan karya. Ekspansi tidak sekadar pengulangan, tetapi termasuk perubahan gramatikal dan perubahan jenis kata, (2) konversi iaitu memutarbelitkan hipogram. Penulis akan memodifikasi ayat ke dalam karya baharunya, (3) modifikasi iaitu perubahan tahap linguistik, manipulasi urutan kata dan ayat. Penulis hanya boleh menukar nama watak, walaupun tema dan jalan ceritanya sama. (4) eksrep iaitu intisari dari unsur atau episod dalam hipogram yang diserap oleh pengarang. Eksrep biasanya lebih halus dan sangat sukar untuk dikenali, jika pengkaji tidak biasa membandingkan





karya (Endraswara, 2008). Dari penjelasan di atas, hipogram merupakan karya sastera yang menjadi dasar kepada karya sastera berikutnya. Hubungan antara teks hipogram dan teks baharu banyak dibincangkan dalam estetika pascamoden, terutamanya berkaitan hubungan intertekstualiti.

1.10 Kesimpulan

‘Analisis Intertekstualiti Dalam Karya Ma.Naveen’ merupakan kajian pascastrukturalisme. Kajian ini memberi fokus kepada aspek intertekstualiti dalam karya Naveen (cerpen, puisi dan kumpulan esej). Dapat disimpulkan bahawa teori intertekstual ini, melihat teks-teks sastera Ma. Naveen mempunyai hubungan dan kaitan dengan teks-teks lain. Untuk memastikan kajian ini tidak terpesong daripada landasan objektif, perkara asas kepada sesuatu kajian seperti latar belakang, masalah kajian, objektif kajian, soalan kajian dan sebagainya dibincangkan dengan terperinci dalam babi ni. Kerangka konsep kajian dan kerangka teori kajian yang sistematik juga telah dibuat untuk mencapai dapatan yang dihasratkan.

